

Penyelaras MIRIEATIE Foto ASMAWAL ARSHAD
Kerjasama AX HOME DECO SDN BHD, BANDAR KINRARA, PUCHONG.



Cara membuat Cincin Langsir Eyelet

Dalam keluaran lepas telah ditunjukkan cara-cara menjahit langsir Eyelet. Kali ini ditunjukkan cara membuat cincin langsir berkenaan. Untuk langsir Eyelet, apa yang diperlukan selain cincin langsir adalah 'drilling machine' yang lengkap 'cutter mould'. Jika anda tidak mempunyai peralatan berkenaan, khidmat membuat cincin langsir boleh diperolehi daripada pakar menjahit langsir seperti di AX Home Deco.



MENJAHIT LANGSIR JENIS MUDAH & RINGKAS

Dalam memilih langsir yang hendak digunakan untuk tingkap, pintu dan sebagainya, anda hendaklah memikirkan keperluan dan kesesuaiannya. Tidak perlu memikirkan jenis langsir yang 'berat' rekaannya. Cuba langsir ringkas dan mudah menjahit. Ia bukanlah sukar sangat, malah lebih penting dan jimat.

Bagi yang baru belajar menjahit atau sekurang-kurangnya ada asas jahitan dan inginkan langsir ringkas tetapi memenuhi keperluan, langsir jenis French Pleat dan Pencil Pleat adalah pilihan tepat.

Walau bagaimanapun, pastikan tingkap atau pintu dipasang rel terlebih dahulu untuk memudahkan anda menggantung langsir berkenaan dan menjadikannya tampak eksklusif walaupun menggunakan fabrik murah.






Apa yang diperlukan :

- Kain yang bersesuaian
- Pita french - untuk French Pleat
- Pita pencil - untuk Pencil Pleat
- Benang bersesuaian dan tahan/kuat
- Jarum bersesuaian untuk menjahit langsir
- Gunting
- Tali ukur/pembaris ukur
- Jarum peniti (untuk mengemaskan sementara lipatan sebelum dijahit)
- Kapur jahit
- Pencangkuk langsir

Cara menjahit pita pencil:



1. Cantum dan ikat hujung benang. 2. Gunting hujung pita pencil. 3. Kemaskan hujung pita pencil. 4. Jahit pada langsir pada ukuran 1 inci dari hujung kain.

Cara-cara (FRENCH PLEAT) :

1. Ukur labuh kain berdasarkan kehendak dan darabkan dua kali lebar.
2. Untuk menjahit bahagian tepi kiri dan kanan, basi kain sebanyak 1/4 in (lipatan dalam) dan 1 in (lipatan bahagian luar).
3. Untuk menjahit bahagian bawah, basi kain sebanyak 1/2 in (lipatan dalam) dan 4 in (lipatan bahagian luar).
4. Untuk menjahit bahagian atas, basi kain sebanyak 1/2 in (lipatan dalam) dan jahit pita french.



Cara-cara (PENCIL PLEAT) :

1. Ukur labuh kain berdasarkan kehendak dan darabkan dua kali lebar.
2. Untuk menjahit bahagian tepi kiri dan kanan, basi kain sebanyak 1/4 in (lipatan dalam) dan 1 in (lipatan bahagian luar).
3. Untuk menjahit bahagian bawah, basi kain sebanyak 1/2 in (lipatan dalam) dan 1 in (lipatan bahagian luar) untuk valance (kepala langsir). Jika ingin labuh, basi kain bahagian bawah sebanyak 1/2 in (lipatan dalam) dan 4 in (lipatan bahagian luar).
4. Untuk menjahit bahagian atas, basi kain sebanyak 1 1/2 in (lipatan dalam) dan jahit pita pencil 1 in ke bawah.

TIP JAHITAN

- 1 Untuk nampak lebih kemas dan memudahkan anda menjahit, kemaskan terlebih dahulu bahagian-bahagian lipatan dengan jarum peniti atau seterikakan. Kemudian barulah menjahit mengikut lipatan berkenaan.
- 2 Sebahagian orang 'sayang' untuk menjahit bahagian tepi kain langsir. Sepatutnya, bahagian tepi kain hendaklah dijahit supaya ia kelihatan kemas dan 'eksklusif' walaupun daripada fabrik murah.
- 3 Lipatan bahagian tepi kiri dan kanan atau atas dan bawah juga hendaklah mengikut ukuran yang betul. Misalnya ukuran yang sepatutnya 1 in hendaklah tidak lebih dan tidak kurang kerana jika berlaku sedemikian, langsir akan kelihatan tidak kemas dan 'eksklusif'.
- 4 Jahit langsir tidak perlu 'jahit tepi' kerana ia akan membuatkan lipatan tepi tebal atau tidak kemas dan cantik (jika tidak lipat dalam).